



جَبَاتِن كَحَاكِمِيْنَ شَرَعِيَّةٍ نَدَوِي سَمْبِيلَان

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN



JKNS.600-1/3/1(1)

04 Zulhijjah 1435H  
29 September 2014

Hakim Mahkamah Tinggi  
Hakim Mahkamah Rendah  
Pembantu Pendaftar  
Pembantu Tadbir Kewangan,  
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan

PEKELILING AM KETUA PENDAFTAR BIL. 1 TAHUN 2014

**PENYELARASAN KUTIPAN WANG**

Saya ingin menarik perhatian YA/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Pengurusan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan Bil. 3 Tahun 2014 pada 29hb Ogos 2014 dan pengesahan oleh Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Am Ketua Pendaftar berhubung dengan **Penyelarasan Kutipan Wang** iaitu :-

- (i) Sebarang bentuk kutipan wang dari pelanggan bagi kes mal, jenayah dan faraid hendaklah dilakukan hanya di kaunter kewangan;
- (ii) Petugas kaunter hendaklah memastikan jumlah kutipan adalah sama dengan catatan di kulit fail / catatan hakim;
- (iii) Resit hendaklah diserahkan kepada pelanggan;

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2014.

Saya yang menurut perintah,

(FUZITA BINTI RAMLI)  
Ketua Pendaftar  
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan.

**"JKNS TELAH MENDAPAT PENGANUGERAHAN PENSTIJILAN MS ISO 9001:2008"**